

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 21.03.2018

Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah peruntukan pinjaman untuk membina rumah-rumah panjang di Sarawak telah disalurkan; dan
- (b) berapakah permohonan telah diterima dan berapakah yang telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan secara geran berjumlah RM132.5 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak mulai dari tahun 2006 sehingga

tahun 2017 bagi tujuan membina dan membaik pulih rumah panjang di Negeri Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui *Housing Development Corporation* (HDC) Sarawak selaku agensi pelaksana telah menyediakan skim pinjaman bagi rumah panjang di Sarawak. Berdasarkan rekod HDC, jumlah permohonan yang diterima adalah sebanyak 27,214 bilangan pintu dari tahun 2006 sehingga tahun 2017. Jumlah pinjaman tanpa faedah yang telah diluluskan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak RM97.5 juta yang melibatkan 7,176 pintu rumah panjang di Negeri Sarawak.

SOALAN NO: 16

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Puan Kasthuriraani A/P Patto**
[Batu Kawan]
TARIKH : **21 Mac 2018**
SOALAN : **16**

Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes bunuh diri yang telah direkodkan dari tahun 2008 sehingga kini mengikut pecahan umur, jantina, kaum/etnik dan apakah langkah-langkah dan usaha Kerajaan untuk menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut data bilangan kematian di Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), didapati terdapat peningkatan kematian disebabkan *Intentional Self-Harm* (Kod ICD 10 : X60-X84) dari tahun 2012 sehingga 2016 seperti berikut:

- i. Tahun 2012 sebanyak 44 kes;
- ii. Tahun 2013 sebanyak 52 kes;
- iii. Tahun 2014 sebanyak 61 kes;
- iv. Tahun 2015 sebanyak 67 kes; dan
- v. Tahun 2016 sebanyak 54 kes.

Dari segi umur, data bilangan kematian merangkumi umur di antara 20 hingga 55 tahun dengan nisbah 3:1 lelaki berbanding perempuan.

Pada tahun 2012, *Global School-based Student Health Survey (GSHS)* telah dilaksanakan oleh KKM di sekolah-sekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa daripada 25,507 pelajar berumur diantara 13 hingga 17 tahun yang disaring, 7-9% pelajar didapati mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri manakala 6-7% pelajar didapati telah cuba membunuh diri lebih daripada satu kali dalam jangka masa 12 bulan.

Justeru, bagi meningkatkan kesedaran dan kepentingan penjagaan kesihatan mental dalam mengatasi gejala ini, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh KKM adalah:

1. Menyediakan perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental di empat (4) buah institusi mental dan 33 hospital kerajaan di seluruh Malaysia yang menawarkan perkhidmatan kaunselling dan psikoterapi kepada individu yang mengalami kemurungan dan keinginan bunuh diri. Di peringkat kesihatan primer sebanyak 761 klinik kesihatan memberikan perkhidmatan kesihatan mental dengan lebih 200 orang Pakar Perubatan Keluarga yang terlatih dalam merawat kemurungan dan pengurusan kes berkaitan cubaan bunuh diri.
2. Bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam melaksanakan Program Minda Sihat dan Program Resilien Remaja dalam kalangan murid sekolah menengah seluruh negara. Melalui saringan minda sihat *Depression Anxiety Stress Scales (DASS)* yang dilaksanakan ke atas pelajar, tahap stres, keresahan dan

kemurungan pelajar boleh dikenalpasti untuk diberi intervensi bersesuaian oleh kaunselor sekolah. Guru-guru turut diberi latihan mengenalpasti awal masalah kemurungan dan tingkahlaku bunuh diri dalam kalangan pelajar melalui skop "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" di dalam Modul Latihan Minda Sihat.

3. Bekerjasama mempromosikan perkhidmatan *The Befrienders*, satu NGO yang menawarkan perkhidmatan kaunseling melalui telefon dan e-mel. Kaunseling secara tertutup melalui laman web facebook www.facebook.com/Befrienderskl kepada individu yang mempunyai masalah emosi, murung, dan keinginan untuk membunuh diri juga ditawarkan.

4. Membangunkan Modul Latihan Pencegahan Bunuh Diri untuk 'frontliners', Garispanduan Amalan Klinikal Pengendalian Kemurungan dan Skizofrenia serta Garispanduan Mengendalikan Kes Tingkahlaku Bunuh Diri di Hospital. Latihan kepada anggota kesihatan dalam mengenalpasti tanda-tanda awal individu-individu yang mempunyai kemurungan, masalah mental atau tingkah laku bunuh diri juga telah dipertingkatkan.

5. Mengadakan aktiviti-aktiviti promosi bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai gejala bunuh diri termasuklah:

- i. Sambutan Hari Cegah Bunuh Diri Sedunia , Seminar "Sayangi Nyawa, Hidupkan Harapan" yang dilaksanakan secara berkala dan melibatkan pelbagai agensi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, (APAM), dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK); dan

- ii. Sambutan hari Kesihatan Sedunia bertemakan 'Depression Let's Talk' atau 'Kemurungan Mari Berbincang' telah menekankan kepentingan kemurungan dan cara-cara mengenalpasti simptom kemurungan serta keperluan untuk mendapatkan bantuan.

6. Membangunkan Pelan Tindakan dan Strategik Pencegahan Bunuh Diri Kebangsaan (*National Strategic and Action Plan on Suicide Prevention*) dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan sokongan dari Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO), yang menggariskan skop-skop utama berikut bagi menangani tingkah laku bunuh diri dalam kalangan masyarakat Malaysia.